

DBKL arah pintu jeriji halang laluan dicabut

Surat dikeluarkan kepada Pengurusan Flat Wangsa Maju Seksyen 2 untuk ambil tindakan

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengarahkan pengurusan Flat Wangsa Maju Seksyen 2 mengambil tindakan berhubung aduan pemasangan pintu jeriji yang menghalang laluan pejalan kaki.

DBKL menerusi kenyataan berkata, surat arahan terbabit dikeluarkan selepas pemeriksaan dilakukan DBKL menerusi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) pada Selasa.

“COBKL mengeluarkan surat

kepada pengurusan kediaman supaya mengambil tindakan kepada pemilik petak agar mengembalikkan semula pengubahsuaian itu kepada bentuk asal,” katanya menerusi kenyataan, kelmarin.

Kenyataan itu menjelaskan, penguatkuasaan adalah di bawah bidang kuasa pihak pengurusan bangunan selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

“Di bawah Seksyen 59 (1) Akta 757 sudah menyatakan bahawa kewajipan pengurusan adalah menyenggara dan mengurus dengan sepatutnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama dan menjaganya dalam keadaan yang baik,” kata kenyataan itu.

Penduduk tak puas hati

Sebelum ini tular gambar keadaan laluan pejalan kaki dipasang jeriji dengan sekurang-kurangnya satu pintu dipasang di setiap



Laluan pejalan kaki di Flat Wangsa Maju Seksyen 2 yang dipasang jeriji.

(Foto Genes Gulitah/BH)

tingkat pada bangunan empat tingkat itu.

Situasi itu menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk yang meluahkan kemarahan dengan

menconteng dinding berhampiran, meminta pelaku untuk mencabut struktur tambahan itu.

Malah perkongsian masalah itu di media sosial turut menarik

perhatian netizen yang melabel pelaku bersikap pentingkan diri selain sindiran duduk di flat, tetapi selera seperti tinggal di kondominium.